

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. LEE BOON CHYE
(GOPENG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan penerima BR1M setiap tahun sejak pelaksanaan.

JAWAPAN

Secara keseluruhannya, dari tahun 2012 sehingga 2017, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM25.62 billion kepada penerima BR1M. Pada tahun 2018, sehingga 28 Februari 2018, sebanyak 6.5 juta permohonan telah diluluskan yang melibatkan peruntukan sebanyak RM5.5 billion menjadikan keseluruhan peruntukan BR1M 2012 hingga 2018 sebanyak RM31.12 billion. Jumlah ini dijangka meningkat apabila permohonan rayuan dibuka kelak.

Perbelanjaan Kerajaan bagi membiayai program ini mengikut tahun

adalah seperti berikut:

Tahun 2012 : RM2.09 bilion : 4.18 juta penerima

Tahun 2013 : RM2.90 bilion : 6.80 juta penerima

Tahun 2014 : RM3.64 bilion : 6.96 juta penerima

Tahun 2015 : RM5.35 bilion : 7.44 juta penerima

Tahun 2016 : RM5.36 bilion : 7.28 juta penerima

Tahun 2017 : RM6.31 bilion : 7.22 juta penerima

Tahun 2018 * : RM5.50 bilion : 6.5 juta penerima

*2018 : kelulusan sehingga 28 Februari 2018.

NO. SOALAN : 214

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DR. LEE BOON CHYE
[GOPENG]**

SOALAN :

YB. Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan senarai pembeli hartanah warga asing mengikut negara asal mereka.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program Malaysia My Second Home (*MM2H*) merupakan satu program inisiatif Kerajaan Malaysia dibawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri dan diurusetia serta dipromosikan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan bagi menarik disamping menawarkan peluang kepada warganegara asing yang berkelayakan untuk tinggal lebih lama dan berbelanja lebih banyak termasuk pembelian hartanah di Malaysia. Peserta Program MM2H akan diberikan Pas Lawatan Sosial selama 10 tahun berserta dengan "*Multiple Entry Visa*". Sejak diperkenalkan Program MM2H pada tahun 2002, antara objektif Program ini adalah untuk melonjakkan pertumbuhan ekonomi sub sektor pelancongan berkaitan seperti sektor hartanah, kesihatan, kewangan dan perbankan, automobil dan pendidikan.

Sejak dilancarkan pada tahun 2002 sehingga September 2017, seramai 36,433 permohonan warganegara asing dari 131 buah negara telah diluluskan. Negara China mendahului negara-negara lain dengan 10,216 permohonan diluluskan, diikuti Jepun (4,410), Bangladesh (3,787), United Kingdom (2,508), Korea Selatan (1,595), Iran (1,357), Singapore (1,349), Taiwan (1,277), Pakistan (999), India (943) dan lain-lain (7,985).

Mengikut rekod, sejak tahun 2012 hingga 2017, Program MM2H telah menyumbang anggaran pendapatan dari sektor hartanah sebanyak RM4.9 billion. Pembelian hartanah oleh warga asing di bawah

Program MM2H dikawal selia oleh Kerajaan Negeri dengan menetapkan nilai hartanah yang dibenarkan dibeli oleh warga asing antara RM1 juta ke atas dengan kawasan-kawasan tertentu mengikut ketetapan oleh Kerajaan Negeri. Justeru itu pembelian hartanah oleh warga asing dibawah Program MM2H tidak sama sekali merangkumi perumahan dan harga rumah yang disasarkan untuk penduduk tempatan. Malahan buat masa kini peratusan warga asing dibawah program ini yang membeli atau memiliki hartanah adalah hanya 24 peratus sahaja yang melibatkan kawasan sekitar Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang, Melaka dan Johor. Peserta MM2H yang membeli hartanah di Malaysia adalah berasal dari negara China, United Kingdom, Iran, Bangladesh, Pakistan, Japan, Australia, Singapore, USA dan Korea Selatan.

Sekian, terima kasih.